

A plan that provides protection and investment

Takaful LifeSelect Single



HSBC Amanah

PROTECTION BY PIDM ON BENEFITS PAYABLE FROM THE UNIT PORTION OF THIS PRODUCT IS SUBJECT TO LIMITATIONS. Please refer to PIDM's TIPS Brochure or contact FWD Takaful or PIDM (visit www.pidm.gov.my).

FWD Takaful Berhad is a member of PIDM.

► Takaful LifeSelect Single

Be protected as you invest

Takaful LifeSelect Single is a single contribution investment-linked takaful plan that is tailored to help you achieve your investment goal. At the same time, you can have peace of mind knowing that you have coverage in the event of Death, Total and Permanent Disability (TPD) as well as Critical Illnesses (CI).

With Takaful LifeSelect Single, it helps you keep your promises for your future and your family.

Why Takaful LifeSelect Single?

Fund building and protection

Takaful LifeSelect Single is an investment-linked takaful plan that has potential for higher returns¹. It also provides protection benefits on Death, Total and Permanent Disability (TPD) and Critical Illnesses (CI).

Withdraw funds as you need

You may withdraw your funds at any time, subject to minimum fund balance and minimum withdrawal requirement.

Receive maturity value

You may receive maturity value, which is the balance of your Account Value, at the end of the plan term (99 Age Last Birthday). However, there will be no amount paid from the Participants' Risk Fund.

Peace of mind

Your coverage limit will be based on your contribution. A range of takaful coverage is provided in this plan for protection in the event of Death, Total and Permanent Disability (TPD) and Critical Illnesses (CI).

Flexibility according to your needs

The choice is in your hands in terms of:

- **Contribution:**

Single lump sum contribution according to your affordability.

- **Investment-linked funds:**

Depending on your risk appetite you can choose from 9 available funds to invest in. You also have the flexibility to switch between funds when your risk appetite and preference or investment climate changes.

Potential surplus distribution

You are entitled to potential surplus (if any) in the Participants' Risk Fund which will be allocated as additional units to your investment-linked fund.

Income Tax Information

The benefits paid out under this plan are tax-free and the contributions made may be eligible for tax relief under the Income Tax Act 1967. Please check with your tax adviser on your eligibility and this is subject to the final decision by the Inland Revenue Board.

¹ The investment returns will fluctuate (i.e. rise or fall) based on actual performance of the investment-linked funds.

Protection Benefits

In the event of Death or Total and Permanent Disability (TPD) or Critical Illnesses (CI), the Sum Covered or Account Value² (whichever is higher) will be payable in one lump sum.

The Sum Covered is defined as follows:

Age (Last Birthday)	Sum Covered
1 month to 65 years old	125% of Single Contribution Plus 100% Top-Up ³ Minus 100% Withdrawal
66 to 75 years old	105% of Single Contribution Plus 100% Top-Up ³ Minus 100% Withdrawal

Death Benefit

This plan provides protection coverage in event of death. If a nomination has been made, your nominee will receive the benefit payable to help them move on with life should this unfortunate event occurs.

Total and Permanent Disability (TPD) Benefit

Should Total and Permanent Disability occur before you reach the age of 65, you will receive the benefit payable to relieve some of your financial burden.

Critical Illnesses (CI) Benefit⁴

Should you suffer from any of the 36 Critical Illnesses covered before the age of 65, you will receive the benefit payable which can assist with the payment of your medical bills. This benefit shall be paid in one lump sum.

Note: Juvenile lien is applicable for child aged below 4 years, where the amount of benefit payable will be lower than the sum covered. Please refer to the Product Disclosure Sheet and Certificate for details.

² The total value of units will be based on the actual performance of the investment-linked fund and it is not guaranteed.

³ Top-up is only allowed after certificate of issuance.

⁴ For full list of the 36 Critical Illnesses covered under this plan, please refer to the table shown on the next page.

List of the 36 Critical Illnesses

1. Heart Attack
2. Stroke
3. Cancer
4. Coronary Artery Disease
5. Surgery to Aorta
6. Major Organ/Bone Marrow Transplant
7. Heart Valve Surgery
8. Coma
9. Paralysis/Paraplegia
10. Multiple Sclerosis
11. End Stage Kidney Failure
12. Fulminant Viral Hepatitis
13. Primary Pulmonary Arterial Hypertension
14. Blindness/Total Loss of Sight
15. Loss of Hearing/Deafness
16. Loss of Speech
17. Major Burns
18. Major Head Trauma
19. Terminal Illness
20. Benign Brain Tumour
21. Parkinson's Disease
22. HIV due to Blood Transfusion
23. End Stage Liver Failure
24. End Stage Lung Disease
25. Motor Neurone Disease
26. Alzheimer's Disease (Irreversible Organic Degenerative Brain Disorder)
27. Brain Surgery
28. Loss of Independent Existence
29. Encephalitis
30. Apallic Syndrome
31. Poliomyelitis
32. Medullary Cystic Disease
33. Severe Cardiomyopathy
34. Muscular Dystrophy
35. Chronic Aplastic Anaemia
36. Bacterial Meningitis

Each of the Critical Illnesses (CI) above will have its own definition which will be listed in your Certificate.

For a full list of definition of the Critical Illnesses (CI) covered, please refer to your Certificate.

Other Information

Eligibility

Person Covered from the age of 1 month to 75 years are eligible for this plan. Participants must be from 18 to 75 years of age. (All ages stated are as at last birthday)

Investment-Linked Fund

The contribution you made (less Wakalah Fee) will be invested into the investment-linked fund(s) of your choice. Each investment choice has its own inherent risks and is subject to market value fluctuations. The value of the investment-linked funds will be based on actual performance and the investment return is not guaranteed. The investment risk of these investment-linked fund(s) will be borne solely by you. In the worst case scenario, the value of your Investment Fund(s) under the plan may be worth substantially less than the original total contribution amount you have invested into the plan. Please refer to the Fund Fact Sheet for the description of the underlying investments and the associated risks of each fund.

Participants' Risk Fund

The monthly Tabarru' will be credited to Participants' Risk Fund from which protection benefits are paid. As a reward for managing and administering the Participants' Risk Fund the Takaful Operator is entitled to an incentive equal to 50% of any surplus distributable. The balance 50% will be distributed among eligible participants and their entitlement will be allocated as additional units in their Fund.

Surrender value

In the event of surrender, the Account Value² less the withdrawal fee (if any will be paid. However, you will lose the benefits under the Certificate and the amount payable to you may be less than the total contribution you have made. There will be no amount paid from the Participant Risk Fund in such an event.

² The total value of units will be based on the actual performance of the investment-linked fund and it is not guaranteed.

Fees and Charges

The following charges are applicable to this plan:

Description	Fees and Charges
Wakalah Fee	A portion of the Wakalah Fee will be used to pay the commission to the intermediaries. Wakalah Fee as a percentage of contribution is 5%.
Monthly Service Fee	• 1st – 5th Certificate Year: RM1.50 per month. The amount is subject to applicable tax chargeable on the fee. • Subsequent Certificate Years: Nil
Monthly Tabarru' (Donation)	Tabarru' rates are not level and are based on Person Covered's attained age.
Fund Management Fee (chargeable as a percentage of fund value)	• FWD Takaful LifeSelect Equity Fund – 1.5% p.a. • FWD Takaful LifeSelect Fixed Income Fund – 1.0% p.a. • FWD Takaful Asia Pacific Islamic Equity Fund – 1.5% p.a. • FWD Takaful World Islamic Equity Fund – 1.5% p.a. • FWD Takaful Islamic Sukuk Fund – 1.0% p.a. • FWD Takaful Global Mixed Assets Fund – 1.5% p.a. • FWD Takaful Global Sustainable Equity Fund – 1.5% p.a. • FWD Takaful Lifetime Balanced Fund – 1.5% p.a. • FWD Takaful Global Multi Thematic Fund – 1.5% p.a.
Stamp Duty	A one-time stamp duty of RM10 will be borne by the Participant, to be paid with the initial contribution.

Please refer to the Benefit Illustration provided and do consult our Relationship Managers on the specific fees and charges.

The Takaful Operator may revise the fees and charges provided that at least 3 months' notice in writing is given to the Participants.

Withdrawal Fee

A withdrawal fee will be deducted from any partial withdrawal and surrender during the first 4 Certificate Years. The withdrawal fee applicable, as percentage of the withdrawal or surrender amount is as follows:

Beginning of Certificate Year ⁵	1	2	3	4	5 and thereafter
Withdrawal Fee (% of withdrawal or surrender amount)	1.60%	1.20%	0.80%	0.40%	Nil

Please refer to the Benefit Illustration provided and do consult our Relationship Managers on the specific fees and charges.

Exclusions

- Death Benefit is not payable if death is due to suicide, whether whilst sane or insane, within 12 months the Certificate is issued or reinstated.
- TPD and Critical Illnesses (CI) Benefits are not payable in respect of any condition / injury / event which is directly or indirectly caused by attempted suicide, self-inflicted injury or illness, military service, criminal acts, private aviation activities, alcohol or substance abuse and hazardous activities such as but not limited to racing, mountaineering, and the like.
- Critical Illnesses (CI) Benefit will not be payable if a critical illness diagnosed is due to pre existing conditions diagnosed before the Issue Date of the Certificate.

The list of exclusions is not exhaustive and reference should be made to the comprehensive list contained in the Certificate.

Want to know more?

- Call 1300 80 2626
- Click hsbcamanah.com.my
- Visit your nearest HSBC Amanah branch

⁵ This is the withdrawal fee applicable in the first month of the respective Certificate Year. The withdrawal fee reduces on monthly basis. For withdrawal or surrender in other months, the withdrawal fee reduces prorated based on the completed months for the Certificate Year.

Important Notes

You should satisfy yourself that the investment-linked plan that you intend to participate will best serve your needs and that the contribution prescribed for this plan is an amount you can afford.

The Takaful LifeSelect Single is a investment-linked takaful plan that also provides protection benefits on Death, TPD and CI. If you need a plan that offers more comprehensive protection, the Bank has other savings and protection options that could be more suited to your needs.

You may review the suitability of the plan and may cancel your participation within 15 days from the date of delivery of the Certificate ("free-look period"). On cancellation within the free-look period FWD Takaful Berhad, Registration No. 200601011780 (731530-M) ("Takaful Operator") will refund your Account Value² based on the Bid Price⁶ at the valuation date immediately after we receive your request, Wakalah fee, monthly service fee and Tabarru' (less medical examination fee incurred where applicable).

If you surrender the Certificate in the early years of the plan, you may not be able to obtain the total contribution you have made.

This plan is managed by FWD Takaful Berhad with it's principal place of business at Level 21, Mercu 2, No. 3, Jalan Bangsar, KL Eco City, 59200 Kuala Lumpur. FWD Takaful Berhad is licensed under the Islamic Financial Services Act 2013 and is regulated by Bank Negara Malaysia. HSBC Amanah Malaysia Berhad 200801006421 (807705-X) is the intermediary in the distribution of this plan in Malaysia and may be remunerated/paid a commission by FWD Takaful Berhad. Products and services referred to in this brochure are offered in Malaysia only.

² The total value of units will be based on the actual performance of the investment-linked fund and it is not guaranteed.

⁶ Bid Price is determined by dividing value of the fund by the number of units held in the fund.

Use of Information and Materials

The information contained in this brochure is not intended to provide professional advice. You should obtain appropriate professional advice when necessary.

This brochure together with Investment-Linked Plans insertion (if any) is for general information only and is not to be construed as a Takaful contract and no consideration has been given to the particular circumstances or needs of any person. You should read the Product Disclosure Sheet and Benefit Illustration for more information and the Takaful Certificate for the complete terms and conditions of this plan.

In the unlikely event of conflict between the English and Malay versions of the content of this document, the English version shall prevail.

No warranties

Whilst every care has been taken in preparing the information and materials contained in this brochure, such information and materials are provided “as is” without warranty of any kind, either express or implied. In particular, no warranty regarding non-infringement, security, accuracy, or fitness for a purpose is given in connection with such information and materials.

Limitation of liability

To the fullest extent permitted by law, in no event will HSBC Amanah be liable for any damages, including without limitation to direct or indirect, special, incidental or consequential damages, losses or expenses arising in connection with this brochure or use thereof.

Disclaimer

Investments in investment funds are not obligations of or deposits in, guaranteed or insured or managed or supervised by HSBC Amanah. The value of the units and income from the investment may fall as well as rise. Any forecast made is not necessarily indicative of any future or likely performance of the funds.

THIS IS A TAKAFUL PRODUCT THAT IS TIED TO THE PERFORMANCE OF THE UNDERLYING ASSETS AND IS NOT A PURE INVESTMENT PRODUCT SUCH AS UNIT TRUST.

Pelan yang menyediakan perlindungan dan pelaburan

Takaful LifeSelect Single



HSBC Amanah

PERLINDUNGAN PIDM UNTUK MANFAAT-MANFAAT YANG DIBAYAR DARIPADA BAHAGIAN UNIT PRODUK INI ADALAH TERTAKLUK KEPADA SYARAT-SYARAT TERTENTU. Sila rujuk Brosur Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans PIDM atau hubungi FWD Takaful atau PIDM (layari www.pidm.gov.my).

FWD Takaful Berhad ialah ahli PIDM.

► Takaful LifeSelect Single

Dapatkan perlindungan sambil melabur

Takaful LifeSelect Single ialah pelan takaful berkaitan pelaburan sumbangan tunggal yang direka untuk membantu anda mencapai matlamat kewangan. Pada masa yang sama, anda tidak perlu risau kerana anda dilindungi sekiranya berlaku Kematian, Hilang Upaya Penuh dan Kekal (HUPK) serta Penyakit Kritikal (CI).

Takaful LifeSelect Single membantu anda menunaikan janji untuk masa depan anda dan keluarga anda.

Kenapa memilih Takaful LifeSelect Single?

Mengumpul dana dan perlindungan

Takaful LifeSelect Single ialah pelan takaful berkaitan pelaburan yang berpotensi untuk memberikan pulangan yang lebih tinggi¹. Pelan ini juga menyediakan manfaat perlindungan bagi Kematian, Hilang Upaya Penuh dan Kekal (HUPK) dan Penyakit Kritikal (CI).

Pengeluaran dana apabila diperlukan

Anda boleh mengeluarkan dana anda pada bila-bila masa, tertakluk pada syarat baki dana minimum dan pengeluaran minimum.

Menerima nilai matang

Anda boleh menerima nilai kematangan, iaitu baki Nilai Akaun anda, pada akhir tempoh pelan (Umur 99 Hari Lahir Terakhir). Walau bagaimanapun, tiada jumlah yang akan dibayar daripada Dana Risiko Peserta.

Ketenangan fikiran

Had perlindungan anda adalah berdasarkan sumbangan anda. Pelan ini menyediakan perlindungan Kematian, Hilang Upaya Penuh dan Kekal (HUPK) dan Penyakit Kritikal (CI).

Fleksibiliti mengikut keperluan anda

Anda boleh membuat pilihan dari segi:

- **Sumbangan:**

Sumbangan tunggal sekali gus mengikut kemampuan anda.

- **Dana berkaitan pelaburan:**

Bergantung pada kesanggupan mengambil risiko, anda boleh memilih daripada 9 dana yang disediakan untuk pelaburan. Anda juga ada fleksibiliti untuk bertukar antara dana sekiranya kesanggupan risiko dan pilihan atau suasana pelaburan berubah.

Potensi pengagihan lebihan

Anda layak menerima potensi lebihan (jika ada) dalam Dana Risiko Peserta yang akan diperuntukkan sebagai unit-unit tambahan ke dalam dana berkaitan pelaburan anda.

Maklumat Cukai Pendapatan

Manfaat yang dibayar oleh pelan ini adalah bebas cukai dan sumbangan yang dibuat mungkin layak menerima pelepasan cukai di bawah Akta Cukai Pendapatan 1967. Sila semak dengan penasihat cukai tentang kelayakan cukai anda. Kelayakan ini tertakluk pada keputusan muktamad oleh Lembaga Hasil Dalam Negeri.

¹ Pulangan pelaburan boleh menaik atau menurun berdasarkan prestasi sebenar dana berkaitan pelaburan.

Manfaat Perlindungan

Sekiranya berlaku Kematian, Hilang Upaya Penuh dan Kekal (HUPK) dan Penyakit Kritikal (CI), Jumlah Dilindungi atau Nilai Akaun² (mana satu lebih tinggi) akan dibayar secara sekali gus.

Jumlah Dilindungi ditakrifkan seperti berikut:

Umur (Hari Lahir yang Terakhir)	Jumlah Dilindungi
1 bulan hingga 65 tahun	125% daripada Sumbangan Tunggal Tambah 100% Penambahan Sumbangan ³ Tolak 100% Pengeluaran.
66 hingga 75 tahun	105% daripada Sumbangan Tunggal Tambah 100% Penambahan Sumbangan ³ Tolak 100% Pengeluaran.

Manfaat Kematian

Pelan ini menyediakan liputan perlindungan sekiranya berlaku kematian. Jika penamaan telah dibuat, penama anda akan menerima manfaat yang dibayar untuk membantu mereka meneruskan kehidupan sekiranya kejadian tidak diingini ini berlaku.

Manfaat Hilang Upaya Penuh dan Kekal (HUPK)

Jika Hilang Upaya Penuh dan Kekal berlaku sebelum anda mencapai umur 65 tahun, anda akan menerima manfaat yang dibayar untuk meringankan sebahagian daripada beban kewangan anda.

Manfaat Penyakit Kritikal (CI)⁴

Jika anda mengalami mana-mana daripada 36 Penyakit Kritikal yang dilindungi sebelum mencapai umur 65 tahun, anda akan menerima manfaat yang dibayar bagi membantu perbelanjaan bil perubatan anda. Manfaat ini akan dibayar secara sekali gus.

Note: Lien juvenil terpakai untuk kanak-kanak berumur bawah 4 tahun di mana amaun manfaat yang dibayar adalah rendah daripada jumlah dilindungi. Sila rujuk Risalah Pemberitahuan Produk dan Sijil untuk butiran.

² Jumlah nilai unit adalah berdasarkan prestasi sebenar dana berkaitan pelaburan dan ia tidak dijamin.

³ Penambahan sumbangan hanya dibenarkan selepas sijil dikeluarkan.

⁴ Untuk senarai penuh 36 Penyakit Kritikal yang dilindungi oleh pelan ini, sila rujuk jadual yang ditunjukkan pada halaman berikutnya.

Senarai 36 Penyakit Kritikal

1. Serangan Jantung
2. Strok
3. Kanser
4. Penyakit Arteri Koronari
5. Pembedahan Aorta
6. Transplan Organ Utama/
Sumsum Tulang
7. Pembedahan Injap Jantung
8. Koma
9. Lumpuh Anggota Badan/
Lumpuh Bahagian Bawah Badan
10. Sklerosis Multipel
11. Kegagalan Buah Pinggang Tahap Akhir
12. Hepatitis Viral Fulminan
13. Hipertensi Arteri Pulmonari Primer
14. Buta/Hilang Penglihatan Sepenuhnya
15. Pekak
16. Hilang Keupayaan Bertutur
17. Kelecuman Major
18. Trauma Kepala Major
19. Penyakit Terminal
20. Tumor Otak Benign
21. Penyakit Parkinson
22. Jangkitan HIV Melalui Transfusi Darah
23. Kegagalan Hati Tahap Akhir
24. Penyakit Paru-paru Tahap Akhir
25. Penyakit Neuron Motor
26. Penyakit Alzheimer (Gangguan Otak
Degeneratif Organik Tak Berbalik)
27. Pembedahan Otak
28. Kehilangan Upaya Hidup Sendiri
(Berdikari)
29. Ensefalitis
30. Sindrom Apalik
31. Poliomiellitis
32. Penyakit Sistik Medular
33. Kardiomiopati Major
34. Distrofi Otot
35. Anemia Aplastik Kronik
36. Meningitis Bakteria

Setiap Penyakit Kritikal (CI) yang disebutkan ini mempunyai definisi sendiri yang akan disenaraikan dalam Sijil anda.

Untuk senarai penuh Penyakit Kritikal (CI) yang dilindungi, sila rujuk Sijil anda.

Maklumat Lain

Kelayakan

Orang Dilindungi daripada usia 1 bulan hingga 75 tahun layak untuk pelan ini. Umur minimum peserta ialah 18 tahun manakala umur maksimum peserta ialah 75 tahun. (Semua umur yang dinyatakan ini adalah pada hari lahir yang berikutnya).

Dana Berkaitan Pelaburan

Sumbangan yang anda lakukan (setelah penolakan Yuran Wakalah) akan dilaburkan ke dalam dana berkaitan pelaburan pilihan anda. Setiap pilihan pelaburan mempunyai risiko masing-masing dan tertakluk pada turun naik nilai pasaran. Nilai dana berkaitan pelaburan akan berasaskan prestasi sebenar dan pulangan pelaburan tidak dijamin. Risiko pelaburan dalam dana(-dana) berkaitan pelaburan ini akan ditanggung sepenuhnya oleh anda. Dalam senario paling buruk, nilai Dana(-dana) Pelaburan anda di bawah pelan ini mungkin bernilai kurang daripada amaun jumlah pelaburan asal yang anda laburkan dalam pelan ini. Sila rujuk Risalah Fakta Dana untuk penerangan tentang pelaburan yang ada dan risiko yang berkaitan bagi setiap dana.

Dana Risiko Peserta

Tabarru' bulanan akan dikreditkan dalam Dana Risiko Peserta yang mana manfaat perlindungan dibayar dari dana ini. Sebagai ganjaran bagi mengurus dan mentadbir Dana Risiko Peserta, Pengendali Takaful layak menerima insentif bersamaan 50% daripada sebarang lebihan yang diagihkan. Baki 50% akan diagihkan kepada para peserta yang layak dan akan diperuntukkan sebagai unit tambahan dalam Dana mereka.

Penyerahan

Jika penyerahan dibuat, Nilai Akaun² tolak caj pengeluaran (jika ada) akan dibayar. Walau bagaimanapun, anda akan kehilangan manfaat dalam Sijil dan amaun yang dibayar kepada anda mungkin kurang daripada jumlah sumbangan anda. Tiada jumlah yang dibayar daripada Dana Risiko Peserta untuk keadaan ini.

Yuran dan Caj

Caj berikut terpakai untuk pelan ini:

Keterangan	Yuran dan Caj
Yuran Wakalah	Sebahagian daripada Yuran Wakalah akan digunakan untuk membayar komisen kepada perantara. Yuran Wakalah adalah 5% daripada sumbangan.
Caj Perkhidmatan Bulanan	• Tahun Sijil Pertama – Ke-5: RM1.50 sebulan. Jumlah tersebut tertakluk kepada cukai yang dikenakan ke atas yuran tersebut. • Tahun Sijil Seterusnya: Tiada
Tabarru' Bulanan (Derma)	Kadar Tabarru' adalah tidak sama dan berdasarkan umur yang dicapai oleh Orang Dilindungi.
Yuran Pengurusan Dana (boleh dicaj sebagai peratusan nilai dana)	• FWD Takaful LifeSelect Equity Fund – 1.5% setahun • FWD Takaful LifeSelect Fixed Income Fund – 1.0% setahun • FWD Takaful Asia Pacific Islamic Equity Fund – 1.5% setahun • FWD Takaful World Islamic Equity Fund – 1.5% setahun • FWD Takaful Islamic Sukuk Fund – 1.0% setahun • FWD Takaful Global Mixed Assets Fund – 1.5% setahun • FWD Takaful Global Sustainable Equity Fund – 1.5% setahun • FWD Takaful Lifetime Balanced Fund – 1.5% setahun • FWD Takaful Global Multi Thematic Fund – 1.5% setahun
Duti Setem	Duti setem berjumlah RM10 akan ditanggung dan dibayar oleh anda bersama sumbangan pertama anda.

Sila rujuk Ilustrasi Manfaat yang disediakan dan dapatkan nasihat Pengurus Perhubungan kami tentang yuran dan caj yang tertentu.

Pengendali Takaful boleh menyemak semula yuran dan caj dengan syarat notis bertulis sekurang-kurangnya 3 bulan diberikan kepada para Peserta.

Yuran Pengeluaran

Sejumlah yuran pengeluaran akan ditolak daripada mana-mana pengeluaran separa dan penyerahan semasa 4 Tahun Sijil yang pertama. Yuran pengeluaran yang dikenakan, sebagai peratusan amaun pengeluaran atau penyerahan adalah seperti berikut:

Permulaan Tahun Sijil ⁵	1	2	3	4	5 dan berikutnya
Yuran Pengeluaran (% amaun pengeluaran atau penyerahan)	1.60%	1.20%	0.80%	0.40%	Tiada

Sila rujuk Ilustrasi Manfaat yang disediakan dan dapatkan nasihat Pengurus Perhubungan kami tentang yuran dan caj yang tertentu.

Pengecualian

- Manfaat Kematian tidak akan dibayar jika kematian disebabkan oleh bunuh diri, tanpa mengira keadaan mental, dalam tempoh 12 bulan dari tarikh Sijil dikeluarkan atau dihidupkan semula.
- Manfaat HUPK dan Penyakit Kritikal (CI) tidak dibayar berkaitan dengan sebarang keadaan / kecederaan / kejadian yang secara langsung atau tidak langsung disebabkan oleh percubaan membunuh diri, kecederaan atau penyakit yang dilakukan sendiri, khidmat ketenteraan, perbuatan jenayah, aktiviti penerbangan swasta, alkohol atau penyalahgunaan bahan dan aktiviti berbahaya seperti tetapi tidak terhad kepada perlumbaan, mendaki gunung dan seumpamanya.
- Manfaat Penyakit Kritikal (CI) tidak akan dibayar jika penyakit kritikal yang didiagnosis disebabkan oleh keadaan sedia ada yang didiagnosis sebelum Tarikh Mula Sijil.

Senarai pengecualian tidak lengkap dan rujukan hendaklah dibuat kepada senarai komprehensif yang terkandung dalam Sijil.

Ingin tahu lebih lanjut?

- Hubungi 1300 80 2626
- Klik hsbcamanah.com.my
- Kunjungi cawangan HSBC Amanah berhampiran anda

⁵ Yuran pengeluaran ini terpakai dalam bulan pertama Tahun Sijil yang berkenaan. Yuran pengeluaran mengurangkan setiap bulan. Bagi pengeluaran atau penyerahan dalam bulan-bulan lain, yuran pengeluaran dikurangkan secara prorata berdasarkan bulan-bulan yang lengkap bagi Tahun Sijil.

Nota Penting

Anda perlu berpuas hati bahawa pelan yang anda ingin sertai akan memenuhi keperluan anda dan sumbangan yang dinyatakan untuk pelan ini ialah jumlah yang mampu dibayar oleh anda.

Takaful LifeSelect Single ialah pelan takaful berkaitan pelaburan yang turut menyediakan manfaat perlindungan ke atas Kematian, HUPK dan CI. Jika anda memerlukan pelan yang menawarkan perlindungan yang lebih komprehensif, Bank mempunyai pilihan simpanan dan perlindungan lain yang mungkin lebih sesuai dengan keperluan anda.

Anda boleh menyemak kesesuaian pelan dan boleh membatalkan penyertaan anda dalam tempoh 15 hari selepas tarikh penghantaran Sijil ("tempoh percubaan"). Apabila pembatalan dibuat dalam tempoh percubaan, FWD Takaful Berhad, No. Pendaftaran 200601011780 (731530-M) ("Pengendali Takaful") akan membayar balik Nilai Akaun² anda berdasarkan Harga Bida⁶ pada tarikh penilaian serta-merta selepas kami menerima permintaan anda, yuran Wakalah, yuran perkhidmatan bulanan dan Tabarru' (tolak yuran pemeriksaan perubatan yang ditanggung jika berkenaan).

Jika anda menyerahkan Sijil pada tahun-tahun awal pelan, anda mungkin tidak boleh mendapatkan jumlah sumbangan yang telah anda buat.

Pelan ini diuruskan oleh FWD Takaful Berhad dengan tempat perniagaan utama di Tingkat 21, Mercu 2, No. 3, Jalan Bangsar, KL Eco City, 59200 Kuala Lumpur. FWD Takaful Berhad dilesenkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 dan dikawal selia oleh Bank Negara Malaysia. HSBC Amanah Malaysia Berhad ialah perantara dalam pengagihan pelan ini di Malaysia dan mungkin diberi imbuhan/dibayar komisen oleh FWD Takaful Berhad. Produk dan perkhidmatan yang dirujuk dalam brosur ini ditawarkan di Malaysia sahaja.

² Jumlah nilai unit akan berdasarkan prestasi sebenar dana berkaitan pelaburan dan ia tidak dijamin.

⁶ Harga Bida ditentukan dengan membahagikan nilai dana dengan bilangan unit yang dipegang dalam dana.

Penggunaan Maklumat dan Bahan

Maklumat yang terkandung dalam brosur ini bukan bertujuan untuk memberi nasihat profesional. Anda perlu mendapatkan nasihat profesional yang sesuai jika perlu.

Brosur ini adalah untuk maklumat am sahaja dan tidak boleh dianggap sebagai kontrak Takaful dan tiada pertimbangan diberikan kepada keadaan atau keperluan tertentu mana-mana individu. Anda perlu membaca Risalah Pemberitahuan Produk dan Ilustrasi Manfaat untuk maklumat lanjut dan Sijil Takaful untuk Terma dan Syarat lengkap bagi pelan ini.

Sekiranya terdapat sebarang percanggahan antara versi Bahasa Inggeris dengan versi Bahasa Melayu bagi kandungan dokumen ini, versi Bahasa Inggeris hendaklah diguna pakai.

Tiada jaminan

Walaupun segala perhatian telah diambil dalam menyediakan maklumat dan bahan yang terkandung dalam brosur ini, maklumat dan bahan tersebut disediakan “sebagaimana adanya” tanpa sebarang jenis jaminan, sama ada tersurat mahupun tersirat. Khususnya, tiada jaminan tentang bukan pelanggaran, keselamatan, ketepatan, kesesuaian untuk sesuatu tujuan diberikan berkaitan dengan maklumat dan bahan tersebut.

Had liabiliti

Setakat yang dibenarkan oleh undang-undang, HSBC Amanah tidak akan bertanggungjawab terhadap sebarang kerosakan, termasuk tanpa had terhadap kerosakan langsung atau tidak langsung, khas, sampingan atau berbangkit, kerugian atau perbelanjaan yang timbul berkaitan dengan brosur ini atau penggunaannya.

Penafian

Pelaburan dalam dana pelaburan bukanlah kewajipan atau deposit dalam, dijamin atau diinsuranskan atau diuruskan atau diselia oleh HSBC Amanah. Nilai unit dan pendapatan pelaburan mungkin turun dan juga naik. Sebarang unjuran yang dibuat tidak semestinya merupakan petunjuk atau kemungkinan prestasi dana pada masa akan datang.

PELAN INI ADALAH SEBUAH PRODUK TAKAFUL YANG TERIKAT DENGAN PRESTASI ASET YANG ADA DAN BUKANNYA PRODUK PELABURAN YANG KHUSUS SEPerti UNIT AMANAH.

